

**BERITA ONLINE  
ASTRO AWANI  
TARIKH : 29 OKTOBER 2021 (JUMAAT)**



## **Dewan Rakyat lulus rang undang-undang Lembaga Angkasa Malaysia**

Bernama

Oktober 29, 2021 04:04 MYT



*Ahmad Amzad berkata rang undang-undang itu digubal bagi menyediakan kerangka perundangan untuk memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan dengan selamat, bertanggungjawab dan terjamin. - Gambar fail*

**KUALA LUMPUR:** Dewan Rakyat pada Khamis meluluskan tanpa pindaan Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 yang bertujuan menubuhkan Lembaga Angkasa Malaysia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Ahmad Amzad Hashim ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu berkata fungsi Lembaga Angkasa Malaysia adalah berbeza dengan peranan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), sedia ada.

Ahmad Amzad berkata rang undang-undang itu digubal bagi menyediakan kerangka perundangan untuk memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan dengan selamat, bertanggungjawab dan terjamin selain mematuhi garis panduan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa.

